

11 FEB 1998

MSC-Panel

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat IAP di Cyberjaya

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) akan mengadakan mesyuaratnya bagi kali kedua esok ketika kedudukan ringgit dan bursa saham tempatan sedang mengukuh untuk merancang strategi bagi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang seterusnya.

Persidangan dua hari itu akan dipengerusi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kompleks pejabat dan resort, Cyberjaya, yang menempatkan ibu pejabat Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Cyberview Lodge.

Kompleks bernilai RM65 juta itu dibina di atas tanah bekas estet seluas 11.2 hektar yang merupakan sebahagian daripada 2,855 ha yang diperuntukkan bagi pembangunan bandar raya pintar Cyberjaya yang mempunyai kemudahan telekomunikasi teknologi tinggi bagi sidang video.

Persidangan IAP yang mempunyai 44 anggota itu berlangsung setahun selepas persidangan pertamanya di Universiti Stanford di California, Amerika Syarikat pada 16 Jan.

IAP, yang terdiri daripada pemimpin dan pakar industri multimedia, dibentuk untuk memberi nasihat kepada kerajaan mengenai MSC, kawasan seluas 750 km persegi di bahagian selatan dari sini yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Ia terletak di antara Kuala Lumpur City Centre dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang.

Menurut pengarah perkhidmatan pelanggan MDC, Dr Muhammad Ghazie Ismail, agenda pertama bagi persidangan esok ialah memberi maklumat terkini kepada anggota panel mengenai pembangunan MSC, projek yang lahir daripada ilham Dr Mahathir.

Sehingga semalam, 15 anggota IAP telah mengesahkan kehadiran mereka.

Mereka termasuk Dr Stan Shih, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Acer Incorporated; Penasihat Kanan dan anggota Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa di Washington, Diana Lady Dougan; Lester Alberthal, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif EDS Corporation; Dr Kenichi Ohmae dari Ohmae & Associates, Gary Tooker dari Motorola Inc.; Dr Tadahiro Sekimoto, pengerusi NEC dan Prof William Miller dari Universiti Stanford.

Timbalan presiden eksekutif NTT Jepun Masanabu Suzuki akan mewakili Presiden syarikat itu Jun-Ichiro Miyazu.

Para peserta, yang menginap di kompleks tersebut, juga akan dibawa dengan helikopter untuk meninjau MSC dari udara.

Dr Muhammad Ghazie berkata empat syarikat telah dipilih untuk memberi taklimat kepada anggota panel itu mengenai pengalaman mereka beroperasi sebagai syarikat MSC dan faedah yang diperolehi.

Sehingga ini 103 syarikat telah mendapat status MSC, dengan 80 daripadanya sudah beroperasi dan 23 lagi dalam persiapan.

Katanya anggota panel juga akan membincangkan isu global termasuk kemungkinan menubuhkan sebuah Mahkamah Keadilan Siber Antarabangsa.

Turut menjadi perkara utama dalam agenda ialah isu penguatkuasaan Akta Tandatangan Digital yang diluluskan di Parlimen tahun lepas dan cadangan pembentukan Akta Penyatuan Multimedia yang akan dibentangkan kepada Parlimen tahun ini.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan isu merentasi sempadan seperti perdagangan elektronik, langkah-langkah keselamatan dan penggunaan kad pintar.

Pembangunan perisian yang meliputi kurikulum bagi universiti dan

industri perfileman lepas pengeluaran serta kesan kemasyarakatan Internet juga akan dibincangkan.

Muhammad Ghazie menjangka persidangan itu akan membuahkan hasil yang konkrit dan perakuan untuk membentuk asas pembangunan MSC.

Pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah telah berkata persidangan IAP itu akan mengkaji halatuju MSC, terutamanya sama ada sasarannya boleh dicapai. -- BERNAMA

ES NN NMO